

**TERMA DAN SYARAT**  
**PERADUAN KONGSI KISAH ANDA 2.0**

1. **Peraduan Kongsi Kisah Anda 2.0** bertujuan untuk mendorong peminjam berkongsi pengalaman mereka sebagai peminjam PTPTN yang membayar balik pinjaman serta menerapkan nilai-nilai murni dan memberi inspirasi kepada orang lain melalui penghasilan video kreatif dan menarik di media sosial.
2. Peraduan ini menawarkan hadiah lumayan dengan jumlah keseluruhan bernilai **RM10,000.00** untuk dimenangi oleh **13 orang pemenang**.

**TEMPOH PERADUAN**

3. Tempoh Peraduan bermula **1 Jun 2026 sehingga 31 Julai 2026**.
4. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tempoh Peraduan ini sekiranya perlu dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar.

**KELAYAKAN**

5. Terbuka kepada semua peminjam PTPTN.
6. Peraduan ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).

**CARA PENYERTAAN**

7. Peserta hendaklah menghasilkan video yang kreatif dan menarik sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris mengenai **pengalaman sebagai peminjam PTPTN dan menerapkan nilai-nilai murni**.
8. Peserta digalakkan untuk menggunakan format kandungan perkembangan semasa media sosial (trending) mengikut kreativiti masing-masing sebagai peminjam yang bertanggungjawab seperti:
  - Gaya POV (Point of View)
  - *Storytime*
  - Mini Vlog
  - *A Day in My Life*
9. Durasi video mestilah **tidak melebihi 3 minit**.
10. Peserta perlu muat naik video ke akaun Facebook/ Instagram/ TikTok berserta hashtag **#KongsiKisahAnda** dan **#CeritaPTPTN** serta perlu memastikan profil akaun media sosial ditetapkan kepada mod **Public**.

11. Peserta perlu **tag akaun rasmi media sosial PTPTN, @PTPTNOfficial**.
12. Video perlu dimuat naik **sebelum atau selewat-lewatnya 31 Julai 2026, jam 11:59 malam**.
13. Peserta perlu mengisi borang penyertaan melalui Google Form di pautan: <https://bit.ly/KongsiKisahAnda2> **selewat-lewatnya 31 Julai 2026, jam 11:59 malam**.

#### **PERATURAN KANDUNGAN, LAGU IRINGAN, PAKAIAN DAN LAIN-LAIN**

14. Kandungan video mestilah bersesuaian untuk tontonan semua lapisan umur dan masyarakat.
15. Pakaian peserta hendaklah bersesuaian, kemas, sopan dan tidak dibenarkan memakai pakaian yang mencolok mata.
16. Sekiranya terdapat *props*, poster atau bahan visual yang berkaitan PTPTN digunakan dalam kandungan video, hendaklah menampilkan logo rasmi pinjaman atau PTPTN yang terkini. Penggunaan logo versi lama atau tidak rasmi **tidak dibenarkan**.
17. Peralatan yang digunakan dalam kandungan video dan aksi yang mendatangkan risiko keselamatan adalah tidak dibenarkan.
18. Kandungan, pilihan lagu atau sebarang audio dan peralatan yang digunakan dalam video **TIDAK BOLEH** mengandungi sebarang elemen/ unsur-unsur negatif, menyentuh sensitiviti keagamaan, perkauman dan politik serta melibatkan mana-mana agensi lain.
19. Peserta dibenarkan untuk muat naik lebih daripada satu (1) video, tetapi hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja.

#### **PEMILIHAN PEMENANG**

20. Pemenang akan dipilih berdasarkan kombinasi kriteria berikut:
  - i. Kualiti video dan audio yang jelas serta penyampaian visual yang menarik;
  - ii. Tahap kreativiti idea dan keaslian kisah yang ditampilkan;
  - iii. Keupayaan menyampaikan mesej yang memberi inspirasi serta menerapkan nilai-nilai murni;
  - iv. Kekemasan dari aspek suntingan dan naratif; dan
  - v. Tahap keterlibatan (engagement) video di media sosial seperti jumlah tontonan, komen, perkongsian dan reaksi sebagai nilai tambah kepada penilaian.
21. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah **muktamad**. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

**HADIAH PERADUAN DAN TUNTUTAN HADIAH**

22. Pemenang Peraduan akan memenangi hadiah berikut:

PEMENANG	HADIAH TUNAI (RM)	BILANGAN PEMENANG
Utama	3,000.00	1
Kedua	2,000.00	1
Ketiga	1,000.00	1
Saguhati	400.00	10

23. Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel/ media sosial rasmi PTPTN, @PTPTNOfficial atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian.
24. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang sebagai bayaran balik pinjaman dalam tempoh **DUA (2) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang.
25. Jika jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, sebarang lebihan daripada hadiah tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime pemenang yang dibuka untuk diri sendiri. Jika pemenang tidak mempunyai akaun tersebut, PTPTN berhak untuk membuka akaun Simpan SSPN Prime berdasarkan kepada butiran sedia ada peminjam di akaun Simpan SSPN Prime atau Simpan SSPN Plus.
26. Sekiranya pemenang telah meninggal dunia sebelum atau semasa tempoh pengkreditan hadiah dilaksanakan, ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman milik pemenang, tanpa mengambil kira status akaun tersebut. Urusan tuntutan atau pengeluaran wang ganjaran tersebut oleh waris adalah tertakluk kepada prosedur sedia ada yang ditetapkan oleh PTPTN.
27. Hadiah berupa ganjaran tunai yang dimenangi oleh peminjam **TIDAK LAYAK** untuk diambil kira bagi tujuan pengiraan pelepasan taksiran cukai. Pelepasan taksiran cukai yang boleh dituntut adalah mengikut dasar pelepasan taksiran cukai semasa yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
28. Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukar sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.
29. Jika hadiah yang dimenangi tidak dapat disediakan atau diperoleh atas apa jua sebab, PTPTN berhak untuk menggantikan hadiah tersebut dengan hadiah yang lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi, dengan memberikan notis sekurang-kurangnya empat (14) belas hari kepada peminjam yang layak. Kaedah pemberitahuan ini boleh dilakukan secara bertulis, melalui laman web rasmi PTPTN, media elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan PTPTN.
30. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.

31. Pemenang hendaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa caj yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan.
32. Hadiah perlu dituntut oleh pemenang dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang. Pihak PTPTN tidak akan melayan sebarang tuntutan selepas tamat tempoh tersebut.
33. Sekiranya pemenang meninggal dunia, waris yang sah boleh menuntut hadiah dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang.
34. Pemenang atas warisnya dianggap telah melepaskan hak mereka jika gagal menuntut hadiah dalam tempoh yang telah ditetapkan.
35. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

### **PERUNTUKAN UMUM**

36. Untuk mengambil bahagian dalam Peraduan ini, peminjam mestilah termasuk di dalam kriteria kelayakan dan memenuhi mekanisme Peraduan. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak PTPTN, peminjam tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian dalam Peraduan ini.
37. Penyertaan peminjam di dalam Peraduan ini adalah atas risiko peminjam sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
38. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam Peraduan ini sama ada secara keseluruhan dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN/ media massa/ paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Peraduan ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana peminjam untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
39. Peminjam adalah dinasihatkan untuk melayari laman web rasmi PTPTN dari semasa ke semasa untuk menyemak terma dan syarat serta mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma dan Syarat ini.
40. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, perubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau apa-apa sebab lain.

## *Peraduan Kongsi Kisah Anda 2.0*

41. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati peminjam tidak layak dan tidak mengikut Terma dan Syarat yang telah ditetapkan.
42. Segala Terma dan Syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung Peraduan ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
43. Sekiranya terdapat percanggahan Terma dan Syarat Peraduan ini di dalam bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan Peraduan ini, maka terma dan syarat di dalam laman web rasmi PTPTN adalah yang muktamad. Sebarang perkara mengenai Peraduan yang tidak dinyatakan dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak PTPTN.
44. PTPTN boleh menggunakan penyertaan peminjam termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi serta nama peminjam dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peminjam hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
45. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN dianggap telah diserahkan kepada peminjam.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh  
**Peraduan Kongsi Kisah Anda 2.0***

***Maklumat dikemaskini pada 26 Mei 2026***